

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN

TARIKH : 21 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN NO. 72

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah inisiatif yang dilaksanakan bagi membantu syarikat penerbangan negara seperti Malaysia Airlines, Malindo Airlines, dan Air Asia dalam menjalankan operasi mereka yang terjejas semasa pandemik COVID-19 disebabkan oleh pengurangan kapasiti penumpang, pembatalan penerbangan, dan sekaligus terpaksa menaikkan kadar tambang.

JAWAPAN:

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi membantu syarikat-syarikat penerbangan negara untuk terus beroperasi dengan mampan, Kerajaan telah membenarkan syarikat-syarikat penerbangan untuk beroperasi sejak bermulanya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

2. Di samping itu, berdasarkan kepada saranan International Civil Aviation Organisation (ICAO), World Health Organisation (WHO) dan International Air Transport Association (IATA), semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula pada 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020, lebih banyak kelonggaran telah diberikan oleh pihak Kerajaan termasuk kebenaran untuk melakukan perjalanan rentas negeri dan pengecualian penjarakan fizikal dalam pesawat bagi semua perkhidmatan penerbangan berjadual dan tidak berjadual. Kelonggaran ini telah meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan penerbangan udara bagi sektor domestik.

3. Kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (Februari 2020) telah bersetuju antara lain supaya Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) mengurangkan caj pendaratan dan parkir pesawat melalui mekanisme kontra.

4. Bagi maksud menggerakkan sektor pelancongan antarabangsa, Kerajaan telah membenarkan Skim Laluan Hijau Timbal Balik atau

NO. SOALAN : 72

Reciprocal Green Lane (RGL) di antara Malaysia dan Singapura yang bermula pada 17 Ogos 2020. Pada masa yang sama, Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk mengadakan rundingan berkaitan pelaksanaan konsep *travel bubble* ke beberapa negara seperti Singapura, Brunei, Thailand, Vietnam, New Zealand, Australia, Korea Selatan dan Jepun.

5. Melalui konsep tersebut, penerbangan dan penumpang dari mana-mana negara yang berada dalam kategori hijau akan dibenarkan memasuki Malaysia tertakluk kepada SOP tertentu seperti ujian saringan kesihatan yang ketat sebelum berlepas dan semasa tiba di Malaysia yang perlu dipatuhi.

6. Dalam hubungan ini, cadangan konsep *travel bubble* tersebut adalah tertakluk kepada rundingan antara Kementerian Kesihatan (MOH) dan Kementerian Luar Negeri dengan negara-negara terbabit.

Sekian, terima kasih.